

PERANCIS TERPIKAT

Oleh MOHD RAHIME YUSOFF - 3 JAN 1989



■ SULAIMAN SARIJAN

KEJAYAAN Malaysia mengadakan pertunjukan silat di Pentas Terbuka Seni Mempertahankan Diri di Paris, dua minggu lalu menjadi titik permulaan ke arah 'menjual' silat Melayu di Benua Eropah.

Berikutan itu, Perancis menawarkan negara itu bagi dijadikan pusat utama mengembangkan silat Melayu di Eropah tahun ini.

"Kami terkejut tawaran Perancis itu. Beberapa pertubuhan seni mempertahankan diri di negara itu meminta Malaysia menghantar guru-guru silat sebagai tenaga pengajar di sana," kata Penolong Setiausaha Persekutuan Silat Kebangsaan Malaysia (Pesaka), Sulaiman Sarijan.

Katanya, tawaran daripada negara Eropah itu memang dinantikan selama ini. Dan kesediaan Perancis adalah satu 'rahmat' ke arah perkembangan silat Melayu yang lebih pesat di Eropah.

"Kami akan menghantar rombongan pertama ke Paris pada Mei ini. Diikuti rombongan kedua pada Jun dan Julai. Selepas itu, rombongan pesilat Perancis akan berada di Malaysia untuk mendalami seni silat Melayu," ujar beliau.

Pesaka menghantar rombongan empat orang dengan kerjasama Kementerian Kebudayaan dan Pelancong melawat Eropah, dua minggu lalu. Turut serta dalam rombongan itu ialah Naib Presiden Pesaka, Anuar Wahab, Setiausahanya, Abdul Rahman Hassan, Mufti

Ansori dari Perguruan Gayong Malaysia serta Sulaiman mewakili kementerian.

Sulaiman berkata, peluang diberikan bagi mengadakan pertunjukan silat di pentas terbuka itu digunakan dengan baik oleh Anuar dan Mufti bagi menarik minat masyarakat di Paris.

Malah katanya, kejayaan kedua-dua guru silat negara menangkis serangan terbuka oleh ahli-ahli seni mempertahankan diri dalam satu pertarungan pertunjukan mendorong kepada tawaran berkenaan.

Bermula daripada urutan peristiwa itu, bengkel silat selama tiga hari berturut-turut diadakan. Ini memberi persefahaman dan minat mendalam bagi mempelajari silat.

"Pencinta silat di negara itu sedia memberi kemudahan penginapan kepada guru-guru silat yang sedia mengajar. Kami akan membincangkan perkara ini lebih mendalam agar matlamat mengembangkan silat Melayu di Eropah bergerak licin," tabmah beliau.

Selain Perancis, rombongan itu juga melawat Belanda dan Jerman Barat. Bagaimanapun, usaha mengembangkan silat di Belanda mungkin terbatas kerana perkembangannya sudah meluas yang di bawa dari Indonesia.

Katanya, walaupun silat berkembang di Eropah melalui Belanda, ia belum terlewat bagi Malaysia 'menjual' silat Melayu di Eropah.

Bagaimanapun, Pesaka perlu mendapat kerjasama pelbagai perguruan di negara ini bagi memenuhi tujuan itu.